



Jilid 1, 2011

Informika **JURNAL**

peradaban informasi dan ilmu

Tema : Perpustakaan Pemangkin Peradaban

INFORMIKA

JILID 1, 2011

Penerbit

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Sidang Editor

Shaharom TM Sulaiman (*Ketua*)
Wan Ab. Kadir Wan Dollah (*Timbalan Ketua Editor*)

Editor Pelaksana

Hasnah Hashim
Husain Hashim
Mohd Jailani Paiman
Mohamad Noorman Masrek
Mohd Sazili Shahibi
Siti Arpah Noordin
Zulkefli Mohd Yusop

Editor

Prof. Dr. Adnan Jamaludin – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Madya Dr. Hj. Laili Hj. Hashim – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Madya Fuziah Mohd Nadzar – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Madya Dr. Rusnahan Johare – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Dr. Sohaimi Zakaria – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Dato' Dr. Raja Abdullah Yaacob – *Universiti Teknologi MARA*

Editor Perunding

Prof. Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar – *International Institute of Advanced Islamic Studies Malaysia*
Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan – *Universiti Pendidikan Sultan Idris*
Prof. Dr. Ding Choo Ming – *Universiti Kebangsaan Malaysia*
Prof. Madya Dr. Abu Hassan Hasbullah – *Universiti Malaya*
Dr. Roosfa Hashim – *Universiti Kebangsaan Malaysia*
Dr. Wan Ali Wan Mamat – *Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

Alamat Penerbit

Kampus Puncak Perdana,
40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
(Tel.: 03-7962 2020 Faks.: 03-7962 2007)

Harga: RM20.00 (Malaysia)
USD20.00 (Luar Negara)

INFORMIKA
JILID 1, 2011

Kandungan

Perpustakaan Pemangkin Peradaban <i>Abu Hassan Hasbullah</i>	1-12
Perpustakaan Pemangkin Peradaban di Dunia Barat dan Melayu: Dulu, Kini dan Kelak <i>Ding Choo Ming</i>	13-26
Perkembangan dan Cabaran Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam Pendidikan dan Latihan Pustakawan dan Profesional Maklumat <i>Adnan Jamaludin dan Shamsul Kamal Wan Fakeh</i>	27-36
Kredibiliti Maklumat Digital dari Internet <i>Mohd Sazili Shahibi, Hasnah Hashim, Juwahir Ali dan Muhamad Khairul Nizam Zaini</i>	37-44
Keberkesanan Institusi Masjid dalam Penyebaran Ilmu dan Maklumat: Satu Kajian Kes <i>Rosnita Sahrani, Imilia Ibrahim dan Valentino Abu Bakar</i>	45-52
Epistemologi Ilmu dalam Islam: Asas Falsafah Pengurusan Ilmu dan Maklumat <i>Yaacob Yusoff Awang dan Mohd Zafian Mohd Zawawi</i>	53-62
Pengurusan Rekod dan Undang-Undang <i>Abdul Rahman Ahmad, Khairul Mizan Taib dan Ahmad Nazri Mansor</i>	63-74
Pengurusan Risiko dalam Pengurusan Rekod Elektronik <i>Azman Mat Isa dan Aliza Ismail</i>	75-90
Perkhidmatan Maklumat Atas Talian Melalui Aplikasi Web 2.0 <i>Zulkifli Mohd Yusop, Yamin Kamis dan Hasnah Hashim</i>	91-102
Faktor-faktor Kesedaran Terhadap Perpustakaan Digital di Institusi-institusi Pengajian Tinggi di Malaysia <i>Razilan A. Kadir, Wan Ab. Kadir Wan Dollah, Mohd Sazili Shahibi dan Diljit Singh</i>	103-120
Aplikasi Elemen Pemikiran Saintifik dalam Pengajian Syariah: Satu Pendekatan <i>Rahimin Affandi Abd Rahim, Alias Azhar, Mohd Kamil Abd Majid dan Nor Hayati Md Dahlal</i>	121-136
Kompetensi untuk Profesional Maklumat di Zaman Masyarakat Bermaklumat <i>Ahmad Azman bin Mohamad Ramli</i>	137-146
Keterpesonaan Terhadap Perpustakaan: Belajar dari Catatan Sejarah <i>Shaharom TM Sulaiman dan Wan Ab. Kadir Wan Dollah</i>	147-149

Suggested Cataloguing-in-Publication Data

Informika: Jurnal Peradaban Informasi dan Ilmu

Vol. 1 (2011) -

Shah Alam: Fakulti Pengurusan Maklumat

ISSN 2231-7104

1. Library science - Periodicals.
2. Library science - Malaysia - Periodicals.
3. Library science - Developing countries - Periodicals. I. FPM II. Z671

@ 2011 Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM

Pendapat dalam makalah yang disiarkan tidak semestinya mewakili pendapat Editor jurnal ini atau pengurusan pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.

INFORMIKA

JILID 1, 2011

Iftitah Editor

Para pemikir dan futuris telah pun meramalkan dan akan terus meramal, bahawa abad ini dan abad mendatang akan diwarnai oleh informasi. Inilah abad yang dilabel *information revolution*, *information exchange*, *information as commodity* dan berbagai lagi slogan berkaitan yang merentas peradaban manusia.

Peradaban manusia diwarnai oleh ilmu dan informasi yang bermakna, yang memberi erti kepada peradaban itu sendiri. Dalam peradaban ini, penguasaan ilmu dan informasi menjadi aktiviti utama sama ada pengurusan, perolehan, pengumpulan, penyebaran, penyusunan, dan apa sahaja yang memberi erti informasi berguna kepada masyarakat dan peradaban itu sendiri.

'*Informika*' lahir dari keinginan besar untuk memberi makna kepada ilmu dan informasi yang manfaat kepada masyarakat, sarjana, intelektual, pustakawan, pekerja ilmu, pekerja maklumat dan karyawan. Pokoknya, segala profesi dan bidang kerjaya maklumat ilmu dan informasi mendapat tempat yang sewajarnya. '*Informika*' berminat dengan segala permasalahan ilmu dan informasi. Atau dengan kata lain, jurnal ini ingin membuka seluas-luasnya gerbang ilmu dalam sains informasi kepustakawan, pengurusan sistem dan rekod, dunia buku dan penerbitan, manuskrip dan koleksi khas, komunikasi dan media, hatta pengajian masa depan (*future studies*) turut mendapat tempat. Itulah hal-hal yang mewarnai peradaban informasi, yang telah dilalui, sedang dilalui dan akan terus dilaluinya. '*Informika*', berkeinginan besar untuk menjadi jurnal berwasit dunia informasi berbahasa Melayu yang dihormati, disegani di rantau DUNIA MELAYU ini.

Untuk itu, '*Informika*' mengundang para pemikir, sarjana, pustakawan, pakar maklumat, pakar media dan komunikasi, para penyelidik termasuk 'orang-orang kecil' yang berminat dengan '*Informika*' ini untuk menyumbang pandangan. Dengan kata lain, '*Informika*' berharap akan menjadi wadah dan suara bicara. Untuk itu, '*Informika*' sedia dikritik, ditegur kerana itu sebahagian dari proses yang akan mematangkan kelangsungan *Informika*: Jurnal Peradaban Informasi.

Dalam keluaran sulung ini, '*Informika*' memfokuskan tema 'Perpustakaan Pemangkin Peradaban'. '*Informika*' terpanggil untuk mengajak para pembaca menghayati kembali semangat leluhur sebuah tradisi yang telah sejak berabad dan berzaman mencemerlangkan dan mencerdaskan peradaban manusia tanpa henti dan jemu. Itulah sebuah tradisi mulia yang tidak pernah 'mati' dan akan terus 'hidup', iaitu sebuah tradisi bernama 'perpustakaan dan kepustakawan'.

Apa tidaknya, dalam 'rahim' perpustakaan, lahirlah pustakawan 'par excellence' sekaligus menjadi ilmuwan tersohor, saintis, matematikawan, failasuf. Nama-nama cemerlang seperti Musa Al-Khawarizmi, Al-Farabi, Mohammed Khatami, sebagai contoh, lahir dari tradisi gemilang tersebut. Mereka bukan pustakawan yang 'teknis' dan 'rutin' dengan kerja-kerja mekanistik maklumat tetapi seorang yang berilmu sekaligus seorang sarjana. Mana mungkin sebuah tradisi yang hebat hanya disertai oleh mereka yang tidak ada 'pilihan kerjaya', tidak mencintai ilmu, buku dan wacana tinggi. Dengan kata lain, kita memerlukan sebuah perspektif holistik dalam membentuk citra 'Pekerja ilmu' dan 'Pekerja Maklumat' yang mewarisi tradisi perpustakaan hari ini.

Perpustakaan sebenarnya adalah 'roh' peradaban. Kerana itulah dalam sejarah penaklukan dunia, bangsa Mongol membakar dan menjarah Perpustakaan-perpustakaan

di Baghdad, bangsa Rom menjarah Perpustakaan Iskandariah di Mesir, perpustakaan tertua dunia yang menyimpan jutaan 'papyrus' warisan leluhur manusia, bangsa Serb menjarah Perpustakaan Sarajevo yang menyimpan lima ribu manuskrip dalam bahasa Parsi, Arab, Russia dan Turki; kerana semua bangsa penakluk tahu untuk membunuh kelangsungan bangsa yang ditakluknya ialah dengan memusnahkan perpustakaan kerana di dalamnya terkumpul khazanah keintelektualan sesebuah bangsa. Itu cara terbaik untuk 'melenyapkan' sebuah bangsa dan identitinya. Perpustakaanlah yang memberi makna pada peradaban itu sendiri dan bukannya 'artifak', bangunan besar, kerana dalam perpustakaan tercermin segala khazanah kebijaksanaan, kebijakan, keilmuan dan keintelektualan manusia. Benarlah kata Samuel Johnson, seorang pemikir Amerika, '*No place affords a more striking conviction of the vanity of human hopes than a library*'. Esei oleh Abu Hassan Hasbullah dan Ding Choo Ming dalam keluaran sulung 'Informika' ini membuktikan dan merefleksikan kecemerlangan tradisi tersebut.

SELAMAT MEMBACA!

Perpustakaan Pemangkin Peradaban

Abu Hassan Hasbullah

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA

E-mel: muring_wienasofi@um.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini melakarkan dinamisme perpustakaan masa lampau, masa kini dan masa hadapan. Di dalamnya terungkap falsafah, estetika, pesona perpustakaan yang sepanjang sejarah telah memberi makna dan mewarnai peradaban manusia. Turut dibahaskan bahawa sebuah peradaban yang hebat akan cerminkan dengan keberadaan perpustakaan bukannya pembangunan fizikal.

Kata kunci: Perpustakaan; Peradaban; Estetika; Empayar

PENGENALAN

Menjelajah perpustakaan adalah jalan panjang mengusung peradaban. Ibnu Al-Nadim dalam kitabnya *Al-Fihrist* telah mengisahkan, di suatu malam Khalifah Al-Ma'mun (813-833 M) telah bermimpi melihat sosok berkulit putih kemerah-merahan, dengan berkening lebat dan lebar, matanya biru, sikap fizik dan nafas semangatnya begitu gagah, berani dan seperti lagak seorang raja yang sangat satria dan handal berperang, duduk di atas singgahsana. Orang itu telah memperkenalkan dirinya sebagai Aristoteles (384-322 SM). Dalam mimpi tersebut telah berlakunya dialog panjang di antara mereka yang telah membangkitkan inspirasi, kebijakan dan kerisalahuan kepada Al-Ma'mun untuk mengembangkan sosialisasi kesusteraan Yunani/Greek di lingkungan akademik yang ditubuhkan oleh Al-Ma'mun. Setelah mengadakan hubungan melalui tarasul demi tarasul dengan penguasa Bizantium, maka Al-Ma'mun telah mengirimkan sebuah pasukan kerja ke Yunani, dan tidak lama selepas itu kumpulan penyelidik atau utusan tersebut kembali dengan sejumlah besar buku untuk diterjemahkan.

SEJARAH PERKEMBANGAN

Ini adalah gerakan penterjemahan terawal di dunia Arab/Islam di abad pertengahan yang kemudiannya telah mencetuskan kebijakan pembangunan pendidikan dan ekoposial (ekonomi, politik dan sosial) yang membawa kepada pembinaan Akademi *Bait-ul Hikmah*, sekaligus menjadi universiti pertama malah berfungsi sebagai perpustakaan pertama yang dibina secara sempurna dan begitu keinstitusian dari struktur pentadbiran, fungsi dan visi misi. *Bait-ul Hikmah* akhirnya menjadi pusat pembangunan dan kemajuan pengetahuan tersohor, terhebat dan terbaik di zaman itu yang telah mendorong dan menarik minat para sarjana, intelektual, cendekiawan, filosof, sasterawan, termasuk semua lapisan cerdik pandai, dari bidang matematik, astronomi, biologi, ilmu hukum, termasuk para ulamak, ahli hadis dan mufassir dari setiap penjuru dunia. Mereka diberi gaji, kedudukan, dan disediakan kemudahan-kemudahan terbaik serta diberi perlindungan negara agar proses pendidikan dan pengembangan ilmu pengetahuan berlangsung dengan cemerlang dan berjaya. Sir John Glubb dalam *Moslem Heroes in the World* seperti disebutkan oleh M. Atiqul Haque (1995) bahawa Hunain Ibn Ashaq, seorang pendidik Kristian, telah

Abu Hassan Hasbullah

menterjemahkan karya-karya Aristoteles dan Plato dari karya-karya Hippocrates dan Galen dalam bidang fizik; khususnya tujuh volume Anatomy Galen, yang beberapa tahun kemudian penyebarannya sampai ke Eropah Barat melalui Sisilia dan Sepanyol. Setelah menyajikan karya-karya terjemahan itu, semakin lengkaplah koleksi buku di perpustakaan *Bait-Ul Hikmah*. Sebagaimana dicatat juga oleh Al-Nadim perpustakaan itu akhirnya telah melahirkan sekian ramai sarjana-sarjana agung Islam seperti Al-Kindi (801-873 M), filosof Arab pertama yang juga banyak menterjemahkan karya-karya Aristoteles; Muhammad bin Musa al-Khawarizmi (775-835 M), matematikawan terkemuka yang mencetuskan evolusi algebra yang juga bekerja dan bertugas di perpustakaan ini. Selama masa tugasnya itu, beliau menulis karya agung kitab *Al-Jabr wa Al-Muqabillah*.

Perpustakaan adalah sebuah empayar besar tanpa sempadan, dengan kuasa dan pengaruh serta peranan dalam proses pembinaan peradaban manusia yang sangat besar juga. Ertinya, seluruh struktur sikap, identiti, nilai, budaya, dan sistem masyarakat tersebut adalah terbit dari soal sejauhmana hubungan dengan perpustakaan. Perpustakaan menjadi wajah yang menunjukkan bentuk dan kandungan masyarakat tersebut. Oleh yang demikian sebuah tamadun ke sebuah tamadun adalah datang dari proses masyarakat tersebut menempatkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan kerana kuasa dan kekuatan bukan sekadar terletak pada kebolehan menguruskan pasukan tentera kerana kebijakan menghasilkan perkakasan peralatan, dan segala macam kemudahan penghidupan adalah menentukan kemampuan masyarakat tersebut untuk berkembang dan berpengaruh. Lalu kerana itu dari zaman Mesir Kuno sehingga ke Yunani/Greek, Romawi, China sehingga kebangkitan empayar agung Islam maka pemerintah di kurun-kurun itu dinilai sebagai peribadi-peribadi yang memiliki perhatian penuh terhadap pertumbuhan dan dibuktikan dengan keterlibatan mereka secara langsung dalam membangun perpustakaan. Empayar Islam menjadi contoh terhebat apabila perpustakaan menjadi asas dalam proses pendidikan dan bukan sebagai suatu institusi keagamaan yang tidak boleh tersentuh oleh cirri-ciri penghidupan dunia sebagaimana yang berlaku dalam kebanyakan proses pengaruh agama lain. Tamadun Islam menjadi tamadun lengkap apabila dunia pengetahuan telah menduduki posisi yang sedemikian tinggi. Islam dengan pembangunan perpustakaan sebagai sistem penyebaran ilmu pengetahuan telah mengatasi kebolehan pengembangan ilmu di sepanjang peradaban Greek/Yunani dan Romawi (Pedersen, 1984:211)

Perpustakaan akhirnya menghuraikan yang sebuah peradaban sukar dibayangkan bila tanpa buku. Syahdan, penyebaran dan pengluasan penguasaan ilmu pengetahuan akan lebih mencepat berkembang, bergulir, dan berfungsi bila semua pihak khususnya para pemerintah, pentadbir dan pendidik terlibat secara langsung dalam mendirikan perpustakaan, memajukan kemudahan-kemudahan penyelidikan dan penerokaan ilmu, mengembangkan dan mengadiluhung tradisi intelektual tanpakekangan dalam bentuk apa pun. Sejak lama, hubungan di antara semua pihak dengan buku telah menjadi sistem terkuat yang menentukan tegak dan runtuh sesebuah peradaban.

"I have imagined that paradise will be a kind of library", ekspresi oleh Jorge Luis Borges (1899-1986) tersebut, menegaskan betapa pengaruh perpustakaan sangat berperanan dalam membangun masa depan peradaban bangsa, sehingga ia (perpustakaan) diibaratkan seperti syurga. Betapa nikmat dan nyamannya berada di perpustakaan kerana di sitalah segala pengembalaan mendapatkan pengetahuan akan terjadi, dan pengalaman bersekutu dengan perpustakaan adalah suatu pengalaman bersekutu buat perubahan baik buat diri sendiri mahupun untuk seluruh mayapada. Perpustakaan adalah sebuah dunia serba-serbi

lengkap, menjadi tempat berfikir dan berperasaan, mempunyai ruang untuk kembali ke masa lepas, atau bersilang dengan masa kini, dan tentunya menguji keyakinan terhadap prediksi-prediksi masa depan. Eksistensi perpustakaan bagi setiap manusia, adalah sangat penting sebagaimana ekistensi makan dan minum buat penghidupan. Ini kerana kemajuan peradaban yang dibangunkan tidak akan lepas dari peranan perpustakaan, malah perpustakaan dalam sistem pendidikan merupakan “universiti” yang sebenar dan lingkaran universiti dari kuliah sehingga aktiviti pengurusan cuma bahagian dari sistem yang menubuhkan sesebuah kampus itu. Perpustakaan secara faktual, berorientasi pada penguasaan ilmu pengetahuan (*scientific oriented*), dan kemampuan professional (*professional oriented*). Berdasarkan orientasi ini, diharapkan manusia dalam generasi apapun sanggup menghadapi perubahan dan tuntutan kemajuan ilmu pengetahuan.

PERPUSTAKAAN ITU EMPAYAR

Di sini letak signifikannya perpustakaan yang lengkap dan terus berkembang. Sebagai penulis, tentunya sekarang ini ahli akademik, penulis menyakini, betapa perpustakaan menjadi tempat pembelajaran yang sangat representatif. Ini kerana di sini ruang dan tempat belajar yang tidak mungkin mengekang seseorang. Perpustakaan memberi layanan yang saksama dan saling puas lantaran di perpustakaan penghidupan manusia, dari sisi sejarah, geografi sehingga sisi-sisi perubatan, politik, termasuk bagaimana penghidupan itu diriwayatkan dalam aktiviti-aktiviti moden seperti wayang gambar diberitahu dan didekahkan. Manusia mengenali diri dan alamnya dengan amat baik sekali. Di sini penulis dan alamnya merasa akrab sekali. Di sini penulis dapat memberikan kesimpulan, bahawa perpustakaan yang berupa bahan-bahan pustaka, sangat tepat untuk dijadikan saranan dalam membentuk generasi-generasi intelektual yang bias diharapkan membawa perubahan terhadap masa depan bangsa di waktu yang akan datang. Bahkan, tidak berlebihan apabila kita mengandaikan “perpustakaan seperti syurga”. Sebab, perpustakaan diyakini sebagai pusat pembelajaran (*centre of learning*) yang memiliki ruang imaginasi yang sangat *fundamental* dalam mendukung produktiviti dan kreativiti kita ke depan.

Taruhlah kemudian, kita dapat mengambil pelajaran dari Alexandria di Mesir yang dikenali dunia bukan sekadar kota pelabuhan yang ramai, melainkan kerana di sanalah perpustakaan pertama didirikan manusia sebagai zentrum pembelajaran yang tidak hanya menyajikan kelengkapan koleksi buku, tapi juga mampu mengatur pembaca (*reader*) untuk membangkitkan rasa ingin tahu hingga tak mudah mencapai titik jenuh.

MEMBACA - Menemukan ilmu baik yang kasbi (*acquired knowledge*) dan yang tadunni (*abadi, perennial*)

Semua orang tahu, dari pemimpin politik ke pelukis, dari seorang chef yang handal di Hotel Hilton ke guru sekolah rendah, bahawa salah satu indikasi kemajuan peradaban suatu bangsa ialah seberapa besar minat baca masyarakatnya. Setinggi mana peratusan literasi pengetahuan rakyatnya. Sepercaya mana kuasa informasi yang ada pada setiap warganya. Tidak ada satu pun negara maju di dunia ini yang masyarakatnya tidak gemar membaca. Di negara-negara maju seperti Austria, German, Itali, Amerika Syarikat, Jepun dan Korea, sekarang China, budaya membaca sangat terpelihara sehingga mampu berkembang dengan baik. Hal ini ditandai dengan jumlah buku baru yang diterbitkan setiap tahun selalu meningkat dan perpustakaan yang berkualiti tinggi terdapat di mana-mana untuk melayani keghairahan bacaan masyarakat. Setiap orang meraikan, merayakan dan mencapai kepuasan hidup dengan buku dan membaca.

Abu Hassan Hasbullah

Dalam erti yang lain, lazimnya sebaik memasuki ke perpustakaan setiap orang itu akan merasakan seperti memasuki gerbang gua peradaban. Tentunya selain kemampuan yang ada pada filem dalam membawa seseorang/kita ke dunia masa lalu, masa kini dan masa depan, maka perpustakaan menjadi empayar yang lebih lengkap kerana kuasanya berganda-ganda lebih dari sinema. Pengalaman bersama perpustakaan adalah peristiwa merentasi masa, alam dan penghidupan yang tidak terbatas. Menikmati penderitaan perang, hingga penghidupan ajaib dalam tamadun-tamadun Mesir, Harappa, Maya mahupun bergaul dengan Chrysippus, Aspasia, Aristoteles, Socrates, Plato, termasuk menikmati kehidupan gladiator dan Caesar; termasuk menyelusuri perjalanan kepahlawanan Hang Tuah, Hang Jebat, dan penderitaan akibat fitnah yang ditanggung oleh Mahsuri, Dang Anum, Hang Nadim sehingga hampir keseluruhan hero dan pahlawan Melayu terhapus akibat fitnah, dan kebangkitan Leftenan Adnan, Dato' Onn Jaafar, Ahmad Boestamam, Ibrahim Yaakob, sehingga kemungkinan berlakunya gempa bumi pertama di Kuala Lumpur menjelang 2015 adalah indeks penghidupan yang dilalui sebaik berada di perpustakaan sekolah, universiti dan tentunya pengalaman itu diperolehi juga di perpustakaan daerah dan Perpustakaan Negara. Nah, akhirnya peradaban yang 'sekian begini, dan sekian begitu' membangunkan peradaban kita pada hari ini seperti yang diperucapkan Khaled Abou el-Fadi dalam bukunya *Conference of the Book* (2001: 107) yang peradaban itu tidak dibangunkan di atas kesejahteraan dalam kelambanan dan kebodohan. Peradaban selamanya dibangun di atas penderitaan para syuhada perbukuan. Terbit dan terbilang perpustakaan yang berdiri tanpa mengalah, terusan menjadi lapangan buat setiap memajukan diri dan menjadi pemimpin, ahli jauhari lagi budiman.

Lalu tidak hairan, dalam setiap musibah perang maka perpustakaan menjadi tempat manusia melepaskan amarah, dengan membakar sebagaimana hancur musnahnya Dar-ul Hikmah di Baghdad dalam Perang Salib, dan hancusnya Perpustakaan Sarajevo dibakar kaum Serbia, tragedi penghapusan etnik Islam di sepanjang. Ini kerana perpustakaan menjadi keagungan menentukan sejauh mana gagah, perkasa agungnya sesuatu bangsa itu. Perpustakaan melambangkan keagungan yang memperjelaskan semuanya terjatuh bangun riwayat sesebuah peradaban. Kerana itulah perpustakaan adalah "syurga" bagi ilmuwan dan "empayar" bagi para penguasa.

DINAMISME MEMBACA

"Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu Yang Menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Pemurah, Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan kalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya." (Surah Al-Alaq: 1-5)

Dalam kamus bahasa, ditemukan aneka ragam dari kata iqra' tersebut, antara lain: 'menyampaikan, menelaah, membaca, mendalami, meneliti, menghimpun. Perintah membaca, dengan demikian, bererti perintah untuk menyampaikan, menelaah, membaca, mendalami, meneliti, mengetahui ciri-cirinya dan sebagainya.

Tidak ada saat yang sehebat saat berada di sebuah perpustakaan yang ajaib senibinanya, yang luarbiasa koleksi bukunya, sehingga kita dapat merasakan betapa sakti kuasa yang ada pada setiap sisi, ruang, dari syiling ke dinding, dari lantai ke rak-raknya, menjadikan kita tidak mampu untuk meninggalkannya tanpa menitis air mata. Hassan Hayastani (Dongeng Sehelai Kertas-Catatan Blog, 2002)

Peradaban adalah merayakan kebijakan. Tentunya perpustakaan menjadi sistem pendidikan terkuat dan paling berkuasa dalam membina corak, ragam, bentuk, dan kedudukan sesuatu bangsa sebagaimana yang sering dikatakan, bahawa buku itu adalah pengetahuan yang sempurna dalam mencerdikkan, mencerdaskan dan menjauhari budimankan setiap manusia. Setidaknya demikianlah perasaan estetika pertama yang muncul sebaik mengunjungi perpustakaan. Maka sebab itu pengembangan dan pembinaan perpustakaan dan sistem kearkibian terus dilanjutkan dan diupayakan untuk lebih menjantung pengembangan budaya bangsa, mencerdaskan bangsa, dan memasyarakatkan budaya gemar membaca dan belajar. Pengembangan perpustakaan dan kearkibian perlu ditingkatkan dan disebarluaskan merata di seluruh pelosok tanah air, didukung oleh sarana dan prasarana yang memadai. Estetikanya sebaik memahami perpustakaan; baik dianggap sebagai empayar atau syurga, ialah perpustakaan mengambil peranan sebagai faktor intelektual pembebas manusia dari keterasingan dan kebelukaran akan ilmu pengetahuan maupun memahami pengalaman-pengalaman, termasuk teknologi, atau hakikat suatu keperluan paling utama sebagai manusia, dan keterkongkongan manusia pada sempitnya wawasan diri, dan paling penting adalah membebaskan manusia dari kebodohan dan kejihilan. Maka sebagainya agen pembebasan, perpustakaan yang baik akan menjadi sekutu manusia dalam pemgembangan diri, serta mencipta daya upaya menemukan kejayaan seperti yang disebutkan oleh penyair Perancis, Andre Maurois: "Tidak ada hal yang lebih penting bagi umat manusia daripada membawakan buku-buku dalam jangkauan semua orang, buku yang dapat meluaskan pandangan dapat membebaskan kita dari kita sendiri, dapat mendorong kita kepada penemuan-penemuan baru dan benar-benar dapat mengubah kehidupan serta membuat seseorang menjadi anggota masyarakat yang berharga. Satu-satunya jalan untuk melaksanakan ini adalah melalui perpustakaan-perpustakaan" (Maurois, 1998:15)

ESTETIKA PERPUSTAKAAN

Tidak salah untuk menerima estetika sebuah perpustakaan adalah peranannya yang menunjukkan seperti "otak" bagi pengetahuan. Sebab itulah sikap keindahan dan sisi kecantikan bagi sebuah perpustakaan adalah peranannya sebagai alat kekuasaan. Perpustakaan secara hakiki merupakan institusi transperansi, dan berdedikasi agar informasi yang paling tepat dan tidak condong untuk bidang pendidikan, ilmu pengetahuan dan teknologi serta sosial tersedia bagi setiap orang. Material dan akses informasi yang disediakan oleh perpustakaan dan layanan informasi memberikan kontribusi kepada tatakelola yang baik dengan mengembangkan pengetahuan warga dan memperkaya diskusi dan perdebatan mereka. Lalu sebaik berada di perpustakaan, bukan sahaja melalui lorong-lorong rak buku tetapi bagaimana akhirnya berlaku pertemuan dengan "buku" yang mendedahkan ilmu pengetahuan secara sangat demokratis.

Tentunya pengetahuan dan pengalaman kebersamaan dan kebersekutuan dengan perpustakaan, secara intektualnya adalah bertemu dengan fungsi-fungsi perpustakaan sehingga menjarakkan kita dengan ketidakfaedahan yang sentiasa dilakukan dalam kehidupan sehari-hari.

Libraries contribute significantly to the advancement of civilization. Since human being began to record ideas and information for later recall, collections of those records, consisting of a few items or millions, have been viewed as important in preserving the memory of society. Records have been kept throughout the world for five thousand years, and tough

each period and locality is distinct, many issues, such as preservation and classification, are the same. Libraries are collection of graphic records, organized for accessibility and maintained for the benefit of individuals in the community they serve. Libraries generally consist of portable physical entities (books) made of durable materials that contain written and artistic notation of reasonable length. The standard unit in libraries has been called the “generic book” because through the millennia it has utilized materials-bones, skins, clay, bamboo, papyrus, paper, magnetic tapes, and plastic-and taken many forms-tables, rolls, codices, reels, and disks. When collections consist primarily of records of institutions and individuals that are organically related-that is, they share a common creator, subject or purpose, as opposed to isolated, random artifact-and maintained for access because of their continuing value, they are referred to as archives. When they consist of creative texts dealing with cultural and historical themes, they are called libraries. (Davis, 2005:56-58)

Paling dominan ialah kegilaan untuk menghabiskan masa secara sia-sia sehingga sikap untuk memajukan diri dengan menguasai pelbagai ilmu pengetahuan tidak ada sama sekali. Maka kepercayaan betapa estetikanya pengalaman berkunjung di perpustakaan adalah fungsi perpustakaan tersebut, antaranya sebagai zentrum edukatif. Perpustakaan menyediakan bahan-bahan bacaan, sumber rujukan, dan bahan-bahan pustaka yang sesuai dengan keinginan dan kemauan untuk mengetahui dan menguasai disiplin yang akhirnya membangkitkan minat baca, mengembangkan daya ekspresi, mengukuhkan kebolehan dan kecekapan berbahasa sekali gus akan mengembangkan daya fikir yang kreatif dan berani. Perpustakaan turut mengembangkan fungsi informasi, menyediakan bahan pustaka yang informasi tentang berbagai cabang ilmu yang bermutu dan terkini. Disusun secara sistematik sehingga dapat memudahkan petugas dan pemakai dalam menemukan yang diperlukan. Estetika perlu sebagaimana kita membaca novel-novel atau tulisan Elfriede Jelinek; hatta menonton naskah filem D.W. Griffith adalah fungsi administratif. Perpustakaan harus mengerjakan penyelesaian dan pemprosesan bahan-bahan penelitian dan mensiap-siagakan peranan watak-watak seperti akan kembali ke dunia nyata membina fungsi reaktif perpustakaan, dengan kepelbagaiannya sumber informasi menyebabkan buku-buku akademik turut ada karya yang seperti novel, cerpen, puisi dan kejuruteraan.

Pengalaman paling indah ialah mengajak perpustakaan bersama menjayakan penerokaan, penelitian dan bukan lagi sekadar wacana. Keberadaan-keberadaan perpustakaan keniscayaan dalam peradaban dan kebudayaan umat manusia. Perpustakaan merupakan pusat sumber informasi, ilmu pengetahuan dan teknologi, kesenian, dan kebudayaan. Perpustakaan boleh berfungsi wahana pendidikan penelitian, pelestarian, informasi, dan rekreasi untuk meningkatkan kecerdasan dan keberdayaan bangsa. Kebijakan untuk memajukan dunia perpustakaan di Malaysia misalnya, dinilai merupakan pilihan yang paling realistik sebagai wahana belajar sepanjang hayat mengembangkan potensi masyarakat agar menjadi manusia yang beriman bertakwa kepada Tuhan Maha Esa, berakhlik sihat, berilmu, cakap, kreatif, mandiri, dan menjadi warga Negara yang demokratis serta bertanggungjawab dalam mendukung penyelenggaraan pendidikan nasional dan pembinaan Negara bangsa yang aman dan damai. Maka perpustakaan mesti mengubah citra. Sekadar tempat penyimpanan buku-buku, melainkan adalah pusat ilmu pengetahuan dan cerminan peradaban. Estetika perpustakaan adalah reaktualisasi intelektualisme sehingga setiap pengunjungnya dapat menyentuh kesedaran harga diri dan penghidupan antara hidup dan mati. Keseronokan bergaul dan bergulir dengan manuskrip atau bahan-bahan pengetahuan di perpustakaan menjadikan setiap orang dapat merasa kenyamanan

ilmu pengetahuan sehingga hal-hal berhubung dengan sengketa dan ancaman sudah tidak perlu dipeduli.

Upaya perpustakaan tidak hanya berupa penyediaan koleksi yang memadai tetapi juga usaha pemberian pendidikan bagi para pemakainya (*user education*). *User education* (pendidikan pemakai) ialah kegiatan membimbing dan memberi petunjuk kepada para pemakai perpustakaan agar mereka mampu memanfaatkan perpustakaan secara efektif dan efisen. Beberapa hal yang diberikan pada pendidikan pemakai antara lain mengenal tatakerja perpustakaan dan jenis koleksi, cara menelusuri informasi, menggunakan katalog manual maupun elektronik, dan cara membaca yang efisen. Beberapa faktor yang mempengaruhi keberhasilan program pendidikan pemakai adalah motivasi, tingkat kegiatan pemakai, materi yang mudah difahami, hubungan guru dan murid, hubungan antara murid, penggunaan sarana dan prasarana di perpustakaan, dan kesempatan evaluasi.

Pada tahun 1930-an Ranganathan menyampaikan lima hukum ilmu perpustakaan (*five laws of library science*), iaitu:

1. *Books are for use* (buku untuk dimanfaatkan)
2. *Every reader his book* (setiap pembaca terdapat bukunya)
3. *Every book its reader* (setiap buku terdapat pembacanya)
4. *Save the time of the reader* (hemah waktu pembaca)
5. *A library is a growing organism* (perpustakaan bagi organisme yang sedang tumbuh)

Lima hukum tersebut menunjukkan bahawa perpustakaan berperanan sangat penting dalam pemanfaatan buku, pelayanan, dan pengembangan pemakainya, maka inilah estetikanya sebuah perpustakaan, atau kutubkhanah.

Setiap pembaca adalah pemari, pengunjung, dan wisatawan yang sebahagian sebagai pelajar, ahli akademik, penyelidik, atau orang ramai yang berkepentingan terhadap pengetahuan lazimnya metafsirkan estetika sewaktu berada di perpustakaan adalah bagaimana pustakanya setiap perpustakaan tersebut dalam menghimpun dan memajukan ilmu. Namun di sisi lain perpustakaan juga merupakan sebuah struktur yang lengkap dan terbaik, bila cirri-ciri fizikalnya seperti arkitektur bangunan, serta bagaimana struktur siap-siaga dan ketrampilannya dibangunkan ada kala menjadi zentrum estetika sebuah perpustakaan yang menarik orang ramai. Perpustakaan adalah bangunan yang mengandung nilai moral dan akademik, dan hal itu yang membezakan perpustakaan dengan bangunan lain, sehingga pembenahan arkitektural perpustakaan nantinya tidak boleh menghilangkan ruh yang dikandung sebuah bangunan perpustakaan. Pembenahan arkitektur dan tata ruang perpustakaan dapat dilakukan dengan berbagai bentuk yang unik dan atraktif, namun harus tetap mengedepankan nilai fungsional”, sekaligus revitalisasi perpustakaan begitu penting agar ia tidak sekadar tempat di mana kerja-kerja pengumpulan buku dan sumber rujukan lain terjadi.

Perpustakaan hendaklah menjadi sebuah peradaban seni yang tertinggi pencapaian kerana erti perpustakaan itu sendiri adalah sebuah universiti yang sempurna seluruhnya. Barulah perpustakaan tersebut mempunyai kuasa Pembina pengaruh yang mampu menyeru dan menderaskan orang ramai untuk berkunjung dan menjadikannya sebagai tempat di mana segala keinginan terhadap pengetahuan dicapai.

Tentunya pengalaman estetika sesebuah perpustakaan adalah penghidupan membaca dan buku di dalamnya. Sekiranya sebuah perpustakaan tersebut dibina atas kepercayaan yang sekolah, universiti, institusi pendidikan, jabatan-jabatan, mahupun di daerah dan bagi sebuah negara untuk memenuhi perlunya ia berdiri maka sudah tentunya tidak semestinya akan menjadi sebuah perpustakaan yang hebat dan luar biasa. Lalu bagaimana pembinaan dan pengukuhan dari hal ehwal arkitektur, sehingga ke perkara berkenaan hiasan dalaman, pilihan reka seni lampu, kerusi dan meja termasuklah ciri-ciri warna dan penampilan dari aspek pemameran dan struktur katalog, rak, ruang dan kebijakan dari aspek aktiviti serta sumber-sumber sejarah adalah teras sebuah identiti perpustakaan yang akan membentuk pengaruh. Sebab itulah perpustakaan bukan sekadar berkenaan koleksi dan inspirasi tetapi keseluruhan sikap dan sifat wujudnya. Ini kerana perpustakaan adalah ruang *public*.

Perpustakaan adalah tempat unik, menarik, dalam hal relasi antara individu dan publik. Membaca adalah laku sangat individual, tapi perpustakaan mutakhir adalah laku kebudayaan yang bersifat awam. Dalam pengertian mutakhir, dalam lingkup gagasan masyarakat sebagai entiti cerdas, perpustakaan menjadi salah satu lembaga penting untuk membangun kemudahan awam. Untuk itu jika kita secara serius membandingkan kepuasan membaca di perpustakaan universiti-universiti tempatan dengan kelazatan berada di perpustakaan universiti di Vienna, Salzburg, Zurich dan Bucharest nyata pengalaman estetika di sana itu adalah lebih luarbiasa. Kehebatan senibina dan cara menguruskan sistem dan budaya perpustakaan di Vienna, Salzburg, Zurich dan Bucharest adalah sebuah peradaban yang penuh dengan nilai-nilai magis, mitos dan sejarah yang tidak dapat diertikan dengan fikiran yang mudah. Kebanyakan perpustakaan di Malaysia misalnya tidak menunjukkan sebuah keinginan yang boleh menyatakan sebuah petunjuk kepuasan.

PENUTUP: PERPUSTAKAAN MEMBIJAKSANAKAN KETAMADUNAN

Cepatnya perkembangan ilmu pengetahuan di segala bidang dewasa ini membuat manusia sedar, bahawa tugas kependidikan tidak cukup melatih ingatan dan kemahiran dalam beberapa mata pelajaran saja. Isi pelajaran tidak boleh lagi dibatasi kepada isi buku pelajaran dan kaedah mengajar tidak cukup berdasarkan hafalan dan ingatan, pendidikan bukan hanya menyampaikan dari mutu dan buku pelajaran kepada mahasiswa misalnya, tetapi juga memberikan kesempatan kepada mahasiswa untuk ikut aktif dalam usaha membuka fikirannya dan membiasakan dia memperkaya pengetahuan dengan usaha sendiri. Pendidikan di zaman sekarang menginginkan agar semata-mata pelajaran sebanyak mungkin diintegrasikan. Batas antara mata pelajaran yang satu dengan yang lain makin kabur, dan terkadang hilang. Kurikulum tidak lagi dianggap sebagai seri semata-mata pelajaran yang mempunyai batas isi antara yang satu dengan yang lain. Saat itulah, setiap manusia diseru agar mempercayai perpustakaan adalah tempat bagi dirinya; selaku murid, atau mahasiswa, atau ahli masyarakat, hatta pemimpin untuk membina perubahan-perubahan dengan menguasai ilmu pengetahuan yang baru dan terkini agar hubungan dengan penghidupan semasa terus terjadi dalam bentuk yang paling konstruktif dan progresif. Dengan perpustakaan harta dari masa lalu dalam wujud karya sastra, buah fikiran filsafat, teknologi, peristiwa-peristiwa besar sejarah umat manusia dan ilmu pengetahuan lainnya dapat dipelajari, dihayati, dan diungkapkan kembali pada masa sekarang. Melalui sumber bacaan dan ilmu pengetahuan di perpustakaan kita tinggal meneruskan dan mengembangkannya. Perpustakaan juga merupakan akar berpijak sekarang untuk kemudian melangkah ke masa depan. Dalam kehidupan yang serba cepat ini, semua orang menginginkan informasi sebagai hal yang sangat hakiki. Tanpa informasi,

atau seandainya kita ketinggalan informasi, dapat menyebabkan masyarakat jadi tersisih dan terbelakang. Di sinilah estetika perpustakaan yang sangat besar. Perpustakaan menjadi pusat informasi dan sumber ilmu pengetahuan yang tidak habis-habisnya untuk digali, ditimba dan dikembangkan. Melalui perpustakaan kita dapat saling tukar-menukar informasi, saling menambah dan memperkaya, saling menguji, dan saling memperoleh nilai tambah untuk perkembangan zaman.

BIBLIOGRAFI

- Abel, Angela. (2001). *Competing with knowledge: the information professional in the knowledge age*. London: TFPL.
- Anghelescu, H. G. B. & Poulain, M. (Eds.). (2001). *Books, libraries, reading and publishing in the Cold War*. Washington, DC: Library of Congress, Center of Book.
- Aqili, Seyed Vahid dan Alieza Isfandyari Moghaddam. (2008). Bridging the Digital divide: The role of Librarians and Information Professionals in Third Millennium. *The Electronic Library*, 20: 2.
- Benge, R. C. (1970). *Libraries and cultural heritage*. Hamden, CT: Archon Books.
- Casson, L. (2001). *Libraries in the ancient world*. New Haven, CT: Yale University Press.
- Collin, S. M. H. (1987). *Dictionary of Information Technology*. Teddington: Peter Collin Publishing.
- Cronin, J. J. & Taylor, S. A. (1992). Measuring Service Quality: Reexamination and extention. *Journal of Marketing*, 56: 55-68.
- Davis, D. G., Jr. & Wiegand, W. A. (Eds.). (1994). *Encyclopedia of Library history*. New York: Garland.
- Esdaile, A. (1957). *National libraries of the world: Their history, administration and public services* (2 nd ed.). London: The Library Association.
- Haycock, Ken. (2001). Staff and Resources, Plus Best Practice, Affect Student Performance. *Teacher Librarian*, 29, (2): 28
- Heron, P. & Altman, E. (1995). *Service Quality in Academic Libraries*. New Jersey: Ablex Publishing Corp.
- Jurow, S. & Barnard, S. (1993). *Integrating Total Quality Management in a library setting*. New York: The Haworth Press.
- Kilgore, F. G. (1998). *The evolution of the book*. New York: Oxford University Press.
- Krzys, R. & Litton, G. (1983). *World librarianship: A comparative study*. New York: Marcel Dekker.

Abu Hassan Hasbullah

- Lance, Keith Curry. (2001). Proof of the power: Quality library media programs affect academic achievement. *Multimedia Schools*, 8 (4).
- Laudon, Knneith C. & Jane, P. Laudon. (2002). *Management information systems: Managing the digital firm*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Lerner, F. (1998). *The story of libraries: From the invention of writing to the computer*. New York: Continuum.
- Linder, C. J. (1992). Today a Librarian, Tomorrow a Corporate Intelligence Professional. *Special Libraries Journal*, Summer.
- Madden, Andrew D., Ford, Nigel J. & Miller, David. (2007). Information resources used by children at an English Secondary school: perceived and actual levels of usefulness. *Journal of Documentation*, 63 (3).
- Marshall, D. N. (1983). *History of Libraries, ancient and mediaeval*. New Delhi: Oxford & IBH.
- Maurois, Andre. (1998). *Perpustakaan umum dan Kemajuan (terj.)* Jakarta: Lembaga Perpustakaan Depatemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- McCarty, C. A. (1995). *Students' Perceived Effectiveness using the University Library* Kingston: Rodman Hall Press.
- Murbojono, Rahma. (2007). Eformasi Sekolah dalam Rangka Peningkatan Kualitas Pendidikan. *Forum Pendidikan*, 32 (1). Padang: Universitas Negeri Padang Press.
- Natadjumena, R. Junaedi, D. & Soekarman, K. (2000). *Pedoman Umum Pengelolaan Perpustakaan Perguruan Tinggi*. Jakarta: Perpusnas R. I.
- Peman, Stephan. (1993). *Strategic investment guidelines for higher education libraries: Indonesian country report*. London: British Council, International Library and Information Action for Development (ILIAD).
- Per Dalin, dkk. (1994). *How school improve*. An international Report. Great Britain: Rewooe Boos, Trowbridge, Wirshire.
- Rubin, R. E. (1998). *Foundations of library and information science*. New York: Neal-Schuman.
- Sannwald, William W. (2007). Designing Libraries for Customers. *Library Administration & Management*; 21 (3).
- Saunders, Laverna M. (1999). The human element in the virtual library. *Library Trends*, 47 (4): 771-787.
- Schottenloher, K. (1989). *Books and the Western world* (W. D. Boyd & I.H Wolfe, Trans.). Jefferson, NC: McFarland.

- Shaffady, William. (2004). *Records and Information Management: fundamentals of professionals practice*. Lenexa: ARMA International.
- Simbolan, Tony. (2007). Reformasi pendidikan dalam perspektif sekolah. Retrieved November 28, 2007 from http://wwwdepdiknas.go.id/publikasi/Buletin/Pppg_Tertulis/08/Reformasi_pendidikan.htm.
- Staikos, K. S. (2000). *The great libraries: From antiquity to the Renaissance*. (T. Cullen, Trans.). New Castle, DE: Oak Knoll Press.
- Steele, C. (1976). *Major libraries of the world: A selective guide*. London: Bowker.
- Sudarsono, B. (1996). *Perencanaan Strategis Perpustakaan Perguruan Tinggi Semarang*: Penerbit Unika Soegija Pranata.
- Sugiharto. (2007). Guru Aktor Kunci Keberhasilan Pendidikan. *Pelita*, 7.
- Sulistyo-Basuki. (1998). "Total Quality Management" untuk perpustakaan, dalam buku *Kepustakawan Indonesia dan sumbangannya kepada masyarakat: Bunga Rampai sekitar Kepustakawan Indonesia*. Semarang: Penerbit Unika Soegija Pranata, Semarang.
- Wanei, Gerda. K. (2001). *Keluarga. Sekolah dan Perkembangan Intelegensia: Antara Idealisme dan Realitas dalam buku Roformasi Pendidikan Dasar: Menyiapkan Pribadi Berkualitas Menghadapi Persaingan Global*. Jakarta: Grasindo.
- Widayati, C. Sri. (2002). *Reformasi Pendidikan Dasar: Menyiapkan Pribadi Berkualitas Menghadapi Persaingan Global*. Jakarta: Grasindo.

SUDUT BERITA

'A-LIEP 2011: Asia-Pacific Conference on Library & Information Education and Practice- Issues, Challenges and Opportunities' pada 22 – 24 Jun 2011 di Pullman Hotel Lakeside, Putrajaya.

Persidangan adalah anjuran bersama Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan didokong oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Merupakan persidangan antarabangsa kali ke empat yang menjadi saluran kepada para peserta berbincang, berkongsi dan membahaskan isu-isu dan cabaran dalam bidang Perpustakaan dan Sains Maklumat terutama di rantau Asia-Pasifik. Sejak tahun 2006, 2007 dan 2009 persidangan A-LIEP telah berlangsung di Singapura, Taiwan dan Jepun yang telah membawa kepada perubahan dan pembangunan setelah pelbagai isu diperbincangkan. Pada persidangan kali ini A-LIEP akan disertai oleh para ilmuan, penyelidik, pelajar, pekerja mahir dan individu yang berminat dalam bidang Perpustakaan dan Sains Maklumat melangkau sempadan antarabangsa bagi mewujudkan rangkaian pendidikan, kolaborasi, pertukaran idea, dan perkongsian maklumat melalui pembentangan kertas kerja, perbincangan dan pameran.

'World Congress of Muslim Librarians and Information Scientists 2011 (WCOMLIS)' pada 16 – 17 November 2011 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Persidangan ini adalah anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan kolaborasi Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Menjadi saluran kepada para pustakawan dan saintis maklumat Islam untuk membincangkan sebarang masalah berkaitan maklumat dalam dunia Islam.

LELUHUR PERPUSTAKAAN ISKANDARIAH

'The very name of the Bibliotheca Alexandrina conjures up the image of glorious past, of a shared heritage, not just between Greece and Egypt, nor even of the whole Mediterranean, but a shared heritage for all of humanity. For it was indeed at the Ancient Library of Alexandria that the greatest adventure of the human intellect was to unfold.

2300 years ago, Alexander the Great, Aristotle's pupils, brought his dream of culture and conquest, of uniting the world and launching a new era to the timeless land of Egypt. Alexander selected the site for a new capital: Alexandria. His successors in Egypt, the Ptolemies, built Alexandria and made it the intellectual capital of the world. Its lighthouse, the Pharos, was considered one of the seven wonders of ancient world. But a greater legacy was the Ancient Library of Alexandria. Launched in 288 BC by Ptolemy I (Soter) under the guidance of Demetrios of Phaleron, the temple to the muses, or Mouseion (in Greek), or museum (in Latin) was part academy, part research center, and part library. The great thinkers of the age, scientists, mathematicians, poets from all civilizations came to study and exchange ideas. As many as 700,000 scrolls, the equivalent of more than 100,000 modern printed books, filled the shelves. The library was open to scholars from all cultures. Girls and boys studies regularly at the Ancient Library.

On this very spot: Aristarchus was the first person to state that the earth revolves around the sun, a full 1800 years before Copernius. Eratosthenes proved that the earth was spherical and calculated its circumference with amazing accuracy, 1700 years before Columbus sailed on his epic voyage. Hipparchus established the first atlas of the stars and calculated the length of the solar year accurately to within 6.5 minutes. Callimachus the poet described the texts in the library organized by subject and author, becoming the father of the library science. Euclid wrote his elements of geometry, the basic text studied in schools all over the world even now. Herophylus identified the brain as the controlling organ of the body and launched a new era of medicine. Manetho chronicled the pharaohs and organized our history into the dynasties we use to this day. Zenodotus and the grammarians established the basics of literary scholarship with their meticulous definition of the Homerian text for the Iliad and Odyssey. And the list of great names and great achievement goes on and on.... Diophantes, Appolnius of Perga, Heron and visiting scholars such as Archimedes....They and many others were all members of that amazing community of scholars, which mapped the heavens, organized the calendar, established the foundations of science and pushed the boundaries of our knowledge. They opened up the cultures of the world, established a true dialogue of civilizations. Indeed, it was at the ancient Library of Alexandria that 72 specialists first translated The Old Testament from Hebrew into Greek (the famous Septuagint). Together these scholars promoted rationality, tolerance and understanding and organized universal knowledge. For over six centuries the ancient of Alexandria epitomized the zenith of learning, as later scholars, such Claudius Ptolemy and Dioscoredes built on that explosion of knowledge and added their contributions. To this day it symbolizes the noblest aspiration of the human mind, global ecumenism, and the greatest achievement of the intellect. The library completely disappeared over sixteen hundred years ago...but it continues to inspire scientists and scholars everywhere.

The Bibliotheca Alexandrina was located in at least three buildings; (i) the original Museum in the royal district of the city, (ii) the additional building mostly for book storage, located on the harbor, and (iii) the "daughter Library" located in the Serapeum, the temple to

Serapis, cult god of Alexandria. The Serapeum was located in the southwest part of the city, the popular quarter. The library disappeared slowly, suffering a slow decline from the time of Caesar and Cleopatra. Indeed, the first disaster was in 48 B.C, when the part of the library located at the harbor was accidentally set afire during the Alexandrian war of Julian Caesar. However, Marc Anthony gave Cleopatra the 200,000 scrolls of Pergamon, to make up for the losses. Yet, subsequent upheavals within the Roman Empire resulted in the gradual neglect and ultimate destruction of the library. Roman armies came to Alexandria to restore order several times between 200 and 300 AD, and it was on one of those occasions, (probably the campaign of Aurelius in 272 AD) that the entire royal quarter and the original Museum were destroyed. Christianity was brought to Africa through Alexandria by St. Marc in the first century AD, and it was followed by merciless and brutal persecution of the Christians by the Roman in the first three centuries. Persecution ceased with the conversion of Constantine the Great, but schisms erupted in the church. Tensions were running high and tolerant church fathers such Clement of Alexandria had to leave the city and his disciple Origen suffered much for his views. In 391 AD Emperor Theodosius issued a decree banning all religions other than Christianity and Christian Groups under Bishop Theodosius burnt the Serapeum in 391 AD. This was the end of the ancient library as a public institution. What remained were the scholars in uneasy co-existence with an increasingly militant Christian mob. Tragedy struck in 415 AD. Hypatia, daughter of Theon, last recorded scholar in Alexandria, herself the first woman in mathematics and astronomy, a Neo-Platonist philosopher and charismatic orator, was brutally murdered by the mob in 415 AD. She became the first martyr to science. Thus by 400 AD, the Library had vanished, and the era of Alexandria scholarship came to an end a few years later. It had thus disappeared over two centuries before the arrival of the Muslim Arab armies in 641 AD.

*But the memory of the ancient Library of Alexandria lived on. It continued to inspire scholars and humanists everywhere. Many dreamt of one day reviving the great Library...
(Ismail Serageldin, http://www.serageldin.com/ancient_Library.htm)*

PANDUAN PENULIS

Informika merupakan penerbitan tahunan bertujuan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- Untuk menggalakkan penyebaran pengetahuan dan idea dalam pelbagai disiplin berkaitan dengan peradaban informasi di kalangan akademia, sarjana, intelektual, pustakawan dan pekerja ilmu.
- Untuk membantu para akademia mengenangkan hasil karya mereka samada berbentuk penyelidikan, eseи, resensi buku dan seumpamanya.

Skop

Jurnal ini meliputi bidang-bidang berikut:

- Sains perpustakaan dan maklumat
- Pengurusan sistem maklumat
- Pengurusan rekod dan arkib
- Pengurusan pusat sumber maklumat
- Pengurusan pengetahuan
- Manuskrip dan koleksi khas
- Komunikasi dan media
- Pengajian masa depan (*Future studies*)
- Dunia buku dan penerbitan

Isi Kandungan

Jurnal ini mengandungi ruangan berikut:

- (a) Esei fokus
- (b) Esei umum
- (c) Nota penyelidikan/research in progress
- (d) Resensi buku
- (e) Rekayasaan (Esei yang menyarankan perubahan)
- (f) Refleksi (sekilas pandangan)

Kekerapan

Jurnal ini diterbitkan sekali setahun.

Tema Keluaran Akan Datang

Sentuhan Intelektual Membaca Karya-karya Besar.

Penghantaran Artikel

Sila hantarkan sesalinan artikel ke alamat penerbit atau e-mel kepada ***shaharom@salam.uitm.edu.my*** atau ***wkadir@salam.uitm.edu.my***. sebelum 15 Oktober 2011.